



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 38 /2024**

**RASULULLAH PEMIMPIN ULUNG NEGARA  
MADINAH**

**20 September 2024**

*Bersamaan*

**16 Rabiulawal 1446**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian, Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya, dengan melaksanakan seluruh perintahNya dan meninggalkan semua laranganNya. Itulah sahaja jalan untuk kita memperolehi kesejahteraan dalam kehidupan dunia dan kehidupan di akhirat.

Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk :

**“RASULULLAH PEMIMPIN ULUNG NEGARA MADINAH”**

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Sebagai menzahirkan kesyukuran, marilah kita bersatu hati dan sentiasa mendoakan agar Allah SWT mengekalkan nikmat kemakmuran, nikmat keamanan dan dilimpahkan rezeki serta dibuka pintu keampunan dan keberkatan.

Firman Allah di dalam Surah Saba' ayat 15:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ

رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

**Maksudnya** : Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun".

Sayyid Qutb Rahimahullah ketika mentafsirkan ayat ini di dalam Fi Zilalil Quran menyatakan; negeri Saba' yang berada di Selatan Yaman, merupakan sebuah negeri yang subur, mewah dan makmur. Kaum Saba' kemudiannya telah disuruh mensyukuri rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah itu. Justeru, negeri Saba bukan sahaja mendapat nikmat kemakmuran di bumi bahkan mendapat keampunan di langit. Inilah balasan bagi umat yang sentiasa bersyukur.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Percayalah, sekiranya kita memerlukan sebuah model negara gemilang, maka kita perlu mencontohi negara Islam Madinah yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW. Sebelum hijrah baginda, kota Madinah merupakan sebuah penempatan yang mundur. Keadaan masyarakatnya terdiri daripada Aus dan Khazraj dan sentiasa berperang akibat hasutan orang Yahudi.

Kota Madinah kemudiannya menjadi sebuah negara model yang terbaik dan sudah tentu ianya tidak berlaku dalam tempoh yang singkat. Ini kerana usaha Baginda SAW dalam mentarbiyah dan menyampaikan dakwah yang berterusan bermula sejak awal lagi sehinggalah umat Islam benar-benar mengamalkan syariat Islam, menghayati serta mendalami ajaran agama.

Titik permulaan pembinaan sebuah negara model ini sudah tentu asasnya adalah syariat Allah yang mampu mengangkat martabat insan termasuk hubungannya dengan hal ehwal kemasyarakatan dan negara.

Rasulullah SAW sebagai pemimpin ulung telah mampu membawa Madinah ke mercu kegemilangan, melalui beberapa prinsipnya yang istimewa, antaranya :

**Pertama** : Agama menjadi teras kepada pembangunan negara.

Sebaik sahaja Rasulullah SAW melangkah ke bumi Madinah, langkah pertama yang dilakukan oleh Baginda SAW ialah membina sebuah masjid. Ianya bukan hanya berfungsi sebagai tempat menunaikan solat, tetapi turut berperanan sebagai tempat perlindungan golongan dhaif, menuntut ilmu, menyambut utusan luar negara dan tempat pertemuan pemimpin dengan kaum Muslimin. Hal ini menunjukkan bahawa agama menjadi teras dalam segala urusan pembinaan negara.

Sebagai lambang kesyumulan Islam dan teras pembinaan negara, alhamdulillah kita dapati pihak pemerintah semenjak kemerdekaan sehingga ke hari ini telah membina banyak masjid-masjid sebagai pusat penyatuan ummah dan pelbagai aktiviti keagamaan dapat diimarahkan.

## **Kedua** : Perpaduan dalam masyarakat

Rasulullah SAW telah memperkenalkan budaya persaudaraan sesama muslimin di mana setiap Muhajirin mempunyai saudara angkat di kalangan Ansar di Madinah. Melalui budaya persaudaraan ini, terjalinlah hubungan kasih sayang dan persaudaraan yang sangat erat di antara mereka. Malah semangat perpaduan, saling bekerjasama, tolong menolong di antara satu sama lain atas dasar ukhuwah Islamiyah berjaya dipupuk. Semangat perpaduan ini perlu kita contohi. Dengan perpaduan yang dibina, proses membangunkan negeri dan negara yang gemilang dapat dicapai. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

“Janganlah kamu dengki-mendengki, dan jangan kamu tipu-menipu, dan jangan benci-membenci, dan jangan musuh-memusuhi, dan jangan kamu menjual barang yang telah dijual kepada orang lain, dan jadilah kamu sekalian sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim adalah bersaudara sesama Muslim, tidak boleh menganiayanya, tidak boleh membiarkannya tertindas, tidak boleh mendustakannya dan tidak boleh menghينanya. Taqwa itu berpunca dari sini– sambil Nabi SAW menunjukkan ke dadanya tiga kali. Sudah memadailah kejahatan seorang itu jika ia menghina saudaranya yang Islam. Seorang Muslim ke atas seorang Muslim yang lain diharamkan darahnya, harta bendanya dan kehormatannya.”

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

Bayangkan, apakah nasib yang akan menimpa umat islam jika kita tidak berusaha untuk mencari titik pertemuan dan sentiasa saling bermusuhan? Pasti umat islam akan menjadi lemah dan mudah ditindas. Yakin dan percayalah, hanya dengan bersatu hati dan bantu - membantu, pasti umat islam akan menjadi kuat, dihormati, cemerlang dan berjaya.

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

**Prinsip ketiga** : Madinah sebagai Model Kecemerlangan dengan adanya piagam atau Perlembagaan Negara.

Setelah Rasulullah SAW mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar, Baginda SAW seterusnya merangka sebuah perlembagaan. Perlembagaan ini dinamakan sebagai Sahifah atau Piagam Madinah. Ia merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia yang mengandungi 47 perkara, melibatkan seluruh penduduk Madinah yang Islam mahupun bukan Islam.

Justeru, dalam konteks Malaysia, perlembagaan negara perlu dijunjung bagi mengekalkan keharmonian dalam kalangan rakyat yang pelbagai kaum dan agama.

## **Keempat** : Penguasaan ekonomi

Sebelum kedatangan Rasulullah SAW, sistem ekonomi Madinah dikuasai oleh bangsa Yahudi. Mereka mengamalkan sistem ekonomi riba yang menindas bangsa Arab. Bagi membebaskan mereka dari sistem ini, Rasulullah SAW telah membina sebuah pasar baru yang dinamakan Pasar Ansar. Dengan kewujudan pasar baru ini, umat Islam di Madinah tidak lagi perlu bergantung kepada bangsa Yahudi dari segi ekonomi. Secara tidak langsung, ia melatih sifat berdikari umat Islam dan menggalakkan umat Islam membangunkan ekonomi mereka sendiri di Madinah.

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama menjadikan Rasulullah saw sebagai contoh pemimpin ummah dalam mengurus negara, meningkatkan penghayatan Islam dalam kehidupan, serta mengekalkan keharmonian sesama umat Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ

فَدَمَّرْنَاهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾

**Maksudnya** :Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (terlebih dahulu) orang-orang yang melampau-lampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka layaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya. (Surah Al-Isra' Ayat 16)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

### **Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Berbaktilah kepada Allah SWT dengan sepenuh hati. Manfaatkanlah peluang kehidupan ini dengan melakukan ketaatan untuk mendapat keredaan-Nya. Ketahuilah bahawa Allah telah menjadikan hari Jumaat sebagai penghulu segala hari yang dipenuhi dengan pelbagai kelebihan sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

”Sebaik-baik hari ialah hari Jumaat. Padanya dijadikan Nabi Adam.

Padanya dimasukkan baginda ke syurga dan padanya juga dikeluarkan daripada syurga, dan tidak berlaku Kiamat melainkan pada hari Jumaat.”

(Hadis riwayat Muslim)

Maka bersempena dengan hari yang mulia ini, sayugialah kita umat Islam mengambil peluang melakukan amal kebaikan seperti berniat iktikaf ketika berada dalam masjid, mengambil pengajaran daripada kandungan khutbah Jumaat, berzikir serta menunaikan solat Jumaat dengan tertib dan khusyuk. Janganlah melakukan perkara yang boleh mengganggu jemaah lain



sepanjang berada di masjid, kerana perbuatan tersebut dilarang dalam Islam.

Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَأَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebajikan dan taqwa.

**Ya Allah**

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

**Ya Allah,**

Anugerahilah keberkatan kepada para pembayar zakat dan pewakaf MAIDAM. Semoga Allah SWT mengurniakan ganjaran ke atas apa yang diberikan dan memberi keberkatan ke atas harta yang berbaki.

**Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ

الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَىٰ صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.